

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PEMBUKAAN MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT KEBANGSAAN

TEMPAT: PUSAT ISLAM

TARIKH: 13 APR 1987

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Yang Berbahagia Dato' Seri Haji Kamaruddin
bin Md. Isa,
Pengerusi Jawatankuasa Pusat Musabaqah;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu
Wataala kerana dengan izinNya dapat kita sekali lagi berada
di majlis yang mulia ini iaitu Majlis Perasmian Musabaqah
Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan bagi tahun 1407
Hijrah, bersamaan 1987 Masihi.

Para hadirin yang mulia,

2. Musabaqah yang kita adakan pada tahun ini, seperti juga
pada tahun-tahun yang lalu bertujuan untuk meninggikan lagi
syiar Islam. Marilah kita berdoa semoga usaha kita ini
diredhai oleh Allah Subhanahu Wataala. Kita juga berharap
Musabaqah ini akan meningkatkan lagi kesedaran kita mengenai
ketinggian dan kesucian ajaran Islam yang disampaikan oleh
Allah melalui kitab suciNya Al-Quran.

3. Melalui kitab suci ini, Allah Subhanahu Wataala
mengajar kita umat manusia, khususnya umat Islam bagaimana
caranya untuk kita beribadat dalam erti yang khusus,
termasuklah sembahyang, puasa, haji dan sebagainya. Ia juga
mengandungi pengajaran bagaimana kita seharusnya melakukan
ibadat dalam erti yang umum yang meliputi peraturan hidup di
dunia dalam urusan keluarga, ekonomi, politik dan negara.

4. Sesungguhnya Al-Quran dan Sunnah Rasullullah S.A.W.
menjadi satu suluhan kepada kita umat Islam untuk mengikuti
jalan-jalan yang lurus, jalan-jalan yang diredhai oleh Allah
Subhanahu Wataala bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan
juga di akhirat. Ajaran Al-Quran yang banyak itu
sewajarnya kita mempraktikkannya dalam kehidupan kita
sehari-hari.

Para hadirin yang mulia,

5. Tema Musabaqah pada tahun ini ialah "Umat Tegas, Islam
Teguh". Tema ini dipilih atas kesedaran Kerajaan akan

betapa pentingnya pembentukan peribadi umat yang sesuai dengan fitrah kejadian manusia dan kehendak Islam. Nilai-nilai negatif dalam perlakuan manusia hari ini, termasuklah di kalangan orang-orang Islam di negara kita juga, perlu diberi perhatian yang serius supaya dapat segera dibendung, supaya kekuatan negara, kemuliaan umat Islam dan ketinggian agama terus terjamin.

6. Kerajaan menyedari bahawa pembentukan peribadi umat adalah salah satu tanggungjawabnya. Maka kerana itulah Kerajaan dengan penuh kesedaran dan berani telah mengambil langkah-langkah yang wajar dengan melaksanakan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Pentadbiran. Matlamat yang hendak dicapai melalui dasar ini dan beberapa dasar yang lain seumpamanya adalah untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia, yang bersifat tegas dalam tindaklakunya. Menyentuh mengenai sifat tegas ini, Allah berfirman di dalam surah Hud ayat 112 yang bermaksud, "Hendaklah engkau (Wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepadamu". Melalui ayat Al-Quran ini Allah memberikan suatu arahan supaya kita umat Islam mempunyai sikap yang tegas dalam tindaklaku kita. Ketegasan adalah penting dalam segala urusan kerana tanpa ketegasan matlamat kerja atau usaha tidak akan dapat tercapai dengan sebaik-baiknya.

7. Sejarah hidup Rasulullah S.A.W. dan juga sejarah hidup para Khulafa' Ar-Rasidin dan juga pejuang-pejuang serta para ulamak Islam telah memperlihatkan sifat-sifat tegas mereka dalam perjuangan untuk meninggikan syiar Islam. Natiyah dari sikap tegas itu muncullah sebuah masyarakat Islam yang teguh dan kuat. Sebagai contoh, Rasulullah S.A.W. telah terus berusaha mengembangkan syiar Islam walaupun Baginda dipujuk rayu, diugut dan cuba disogok dengan bermacam-macam kemewahan oleh kaum Quraish yang mahukan Baginda berhenti daripada menyampaikan risalah Islam itu.

8. Selain daripada ketegasan yang ditunjukkan oleh Rasulullah S.A.W. dalam menghadapi pujuk rayu kaum Musyrikin, Baginda juga telah memperlihatkan ketegasannya dalam menegakkan keadilan pemerintahannya, tanpa pilih kasih atau tunduk kepada mana-mana tekanan. Baginda menjelaskan bahawa di antara sebab keruntuhan umat yang terdahulu ialah kerana mereka pilih kasih dalam menjalankan hukum. Hukum dijalankan ke atas orang-orang yang lemah dan rakyat biasa sahaja, dan sebaliknya diketepikan hukum itu sekiranya dilakukan oleh keluarga bangsawan, kenamaan atau dari kalangan pembesar.

9. Contoh daripada ketegasan Rasulullah S.A.W. kemudiannya telah menjadi panduan, yang berjaya membentuk peribadi para sahabatnya dalam menjalankan tanggungjawab mereka, baik sebagai Khalifah mahupun sebagai pemimpin-pemimpin. Saidina Abu Bakar Al-Sidiq telah memperlihatkan satu contoh tegas beliau yang sukar ditandingi, iaitu pada masa permulaan beliau memegang jawatan Khalifah, di mana beliau terpaksa berhadapan dengan golongan orang-orang Islam yang tidak mahu

membayar zakat dan juga golongan yang menyeleweng seperti yang dipimpin oleh Musailamah Al-Khazzab. Dalam menghadapi ancaman gerakan ini Saidina Abu Bakar Al-Siddiq telah mengambil keputusan untuk memerangi mereka dan atas ketegasan itu beliau dan tentera-tentera Islam telah berjaya menghapuskan golongan penderhaka dan penyeleweng tersebut. Dengan itu, maka terselamatlah ajaran Islam yang sebenar dan hapuslah ajaran karut Musailamah yang mungkin melibatkan generasi-generasi yang berikut.

10. Demikian sepintas lalu gambaran dari sejarah silam umat Islam yang memperlihatkan bahawa ketegasan dalam bertindak telah menjadi nadi yang menghasilkan kejayaan yang cemerlang. Kita yakin bahawa kalaulah tidak kerana ketegasan Rasulullah S.A.W. dalam menyampaikan risalah Islam, maka tidak mungkin Islam akan berkembang dan sampai kepada kita. Demikianlah juga tanpa ketegasan Saidina Abu Bakar dalam menghadapi ancaman penderhaka dan pembelot, maka bibit Islam yang mulai menumbuh di Mekah dan Madinah itu sudah pasti menghadapi kesukaran untuk terus subur dan membesar. Alhamdulillah dari ketegasan mereka yang diberi hidayah oleh Allah itu kita hari ini dapat menikmati keindahan Islam.

Para hadirin yang mulia,

11. Ketegasan adalah penting bagi umat Islam di negara ini. Kita harus berusaha mencari jalan ke arah membentuk ummah yang tegas, kerana dari ketegasan ummah, agama Islam akan terus mulia dan dihormati serta diterima oleh seluruh golongan masyarakat.

12. Kita perlukan pemimpin dan pentadbir yang tegas, kerana matlamat sesebuah masyarakat dan negara ialah menjamin keharmonian, keadilan dan juga kesejahteraan. Sekiranya para pemimpin dan pentadbir negara terdiri dari kalangan orang-orang yang tidak mempunyai sifat yang tegas dan yakin kepada kebenaran, kepada tanggungjawab dan tugas yang dipikulnya, maka akan lemahlah masyarakat keseluruhannya.

13. Perbuatan rasuah, pilih kasih dan ketagih arak dan dadah terutamanya adalah ciri-ciri yang mencerminkan peribadi yang tidak tegas dan tidak tahan menghadapi cabaran dalam menjalankan tugas dan amanah. Sesebuah masyarakat dan sesebuah negara yang dipimpin dan ditadbirkan oleh peribadi-peribadi yang lemah akan ditimpa bencana, dan akan hilanglah maruah bangsa, agama dan negara. Jadi dalam hal ini wajarlah seluruh pemimpin dan pentadbir di negara ini kembali menghayati sifat-sifat tegas yang dituntut oleh Islam. Sekalipun dalam melaksanakan ketegasan ini kita terpaksa berhadapan dengan berbagai rintangan, halangan dan cemuhan kita harus terus berusaha dengan penuh semangat serta menyerahkan diri dan bertawakkal kepada Allah dengan kepercayaan penuh bahawa Allah sentiasa melindungi dan memberi keamanan kepada pihak yang benar, sesuai dengan firman Allah di dalam surah A-Li Imraan, ayat 159 yang bermaksud, "Apabila engkau telah berazam, maka bertawakkal

kepada Allah".

Para hadirin yang mulia,

14. Selain daripada ketegasan di kalangan pemimpin dan pentadbir, ketegasan di kalangan pendidik dan ibubapa adalah juga penting, kerana keteguhan dan ketinggian akhlak jenerasi muda banyak bergantung kepada mereka. Melalui asuhan serta contoh-contoh yang ditunjukkan oleh para guru dan ibubapa akan tersemat sifat yang mulia di kalangan murid-murid dan anak-anak. Oleh itu guru-guru dan ibubapa hendaklah sama-sama berusaha membantu ke arah melahirkan umat yang tegas bagi menjamin keteguhan Islam di masa akan datang. Peribahasa Melayu ada menyebutkan bahawa "melentur buluh biarlah dari rebung".

Para hadirin,

15. Dalam usaha memupuk supaya sifat-sifat mulia dihayati, maka Kerajaan telah mengadakan berbagai program pendidikan Islam. Kursus-kursus, ceramah-ceramah, kelas-kelas pengajian termasuklah program "Takmir Masjid" yang baru dilancarkan, adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan yang tegas bagi menjamin pembentukan peribadi Muslim yang berakhlak mulia dan baik. Kejayaan yang diharapkan daripada program ini tentu sukar diperolehi tanpa penglibatan kita semua. Oleh itu saya berseru kepada seluruh kaum Muslimin supaya menerima program-program ini dan melibatkan diri dengan menghadiri majlis-majlis ceramah, kuliah-kuliah dan kelas-kelas pengajian tersebut, kerana dengan berbuat demikian akan bertambah pengetahuan kita dan insya-Allah akan bertambah pula iman dan taqwa kita.

Muslimin dan muslimat sekalian,

16. Sekali lagi saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniannya dapat kita bersama-sama menghadiri upacara ini. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Mengasihani, saya merasmikan Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan ini. Wabillahaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.